

MSTAR | HIBURAN

Aishah Azman Tak Guna Pengaruh Afiq Muiz

Isnin, 21 Ogos 2017 6:00 AM

Oleh: **MOHD AL QAYUM AZIZI**



📷 Aishah dan Afiq sama-sama menyokong karier lakonan masing-masing. Foto Ihsan Instagram @aishahazman8

PENDATANG baharu iaitu Aishah Azman nampaknya semakin dikenali sejak drama lakonannya, *Namaku Bedah* berjaya melonjakkan namanya sebagai pelakon.

Gembira dengan penerimaan positif terhadapnya, Aishah berkata, dia juga bersyukur kerana mampu menapak sebagai pelakon tanpa dibayangi oleh abangnya yang juga aktor Afiq Muiz.

Kata wanita berusia 21 tahun ini, sebagai pendatang baharu dia ingin berdiri tanpa dibayangi oleh Afiq dan tidak pernah menggunakan nama dan pengaruh abangnya untuk mendapat peluang berlakon.

"Rasanya tidak ramai tahu kami adalah adik-beradik dan saya tidak pernah menggunakan pengaruhnya untuk mendapat tawaran berlakon.

"Meskipun ada mengetahui hubungan kami ia tidak pernah beri jalan mudah dan saya sendiri bermula bukan sebagai adiknya.



Nama Aishah semakin menyerlah sebagai pelakon.

"Saya ingin berdiri atas kaki sendiri dan bukannya menumpang populariti Afiq dan Alhamdulillah usaha saya mula menampakkan hasil positif," katanya kepada *mStar Online*.

Dalam pada itu, Aishah berkata, keengganan dikaitkan dengan Afiq bukanlah bererti hubungan mereka dingin sebaliknya tidak mahu mengambil kesempatan.

"Bukanlah bergaduh tetapi ingin berdiri atas kaki sendiri. Saya sendiri menggunakan nama bapa sebagai nama pentas manakala Afiq guna nama sendiri.

"Alhamdulillah Afiq banyak beri sokongan kepada saya dan jika ada sebarang masalah saya memang akan rujuk kepadanya sebagai seorang pelakon lebih senior," ujarnya.

Sementara itu, Aishah berkata, dia terbuka sekiranya ditawarkan berlakon dengan Afiq namun akan menolak sekiranya perlu melakonkan pasangan kekasih.

"Kalau boleh elakkan berlakon dengan Afiq terutama kalau watak itu memerlukan kami bercinta dan kalau sebagai adik-beradik, kawan atau musuh, saya okey.

"Malah sebelum ini kami pernah terlibat dalam sebuah drama iaitu *Tika Suria Mendongak* dan kami berlakon sebagai musuh," jelasnya.



Aishah diberi peluang pegang watak utama drama Cinta Hati Batu.